

**ANALISIS TEKS DALAM TERJEMAHAN TIDAK  
LANGSUNG: KAJIAN KES NURANI TANAH  
*MELAYU***

**INTAN SURAYA BINTI ZAINOL**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**ANALISIS TEKS DALAM TERJEMAHAN TIDAK  
LANGSUNG: KAJIAN KES NURANI TANAH  
*MELAYU***

**oleh**

**INTAN SURAYA BINTI ZAINOL**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**September 2021**

## **PENGHARGAAN**

Saya dedikasikan ruangan ini khas buat insan-insan yang menjadi tulang belakang disebalik kejayaan saya. Pertama dan utamanya, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi di atas rahmat-Nya, segala urusan pengajian ini diper mudahkan. Tidak dilupakan kedua ibu bapa, Zainol Hamid dan Liha Hasim yang sentiasa mendoakan kejayaan anaknya. Tanpa sokongan dan dorongan yang berterusan daripada mereka, mustahil untuk saya mendapat motivasi yang begitu jitu untuk menamatkan pengajian ini. Ribuan terima kasih juga saya titipkan kepada penyelia, Profesor Madya Dr. Haslina Haroon di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan. Beliau tanpa culas menyemak dan membaiki hasil penulisan tesis ini agar kelihatan kemas dan dibaca dengan lancar. Di samping itu, diucapkan terima kasih kepada semua pensyarah BATI USM yang banyak memberi pandangan dan komen berkaitan tajuk penyelidikan ini. Terima kasih juga pihak USM kerana memberi saya geran Bridging bagi tajuk kajian ini. Geran Bridging ini sedikit sebanyak telah menampung kos pengajian saya. Akhir sekali, buat suami Mohd Nizar Faez Mohd Fauzi yang sentiasa menyokong minat saya untuk menyambung pengajian dan tidak lokek berkongsi idea untuk menyempurnakan kajian ini. Terima kasih juga buat keluarga besar saya yang memberi peluang dan menjadi pembakar semangat untuk saya mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik daripada sekarang. Sahabat seperjuangan, terima kasih atas bantuan yang diberikan. Alhamdulillah.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>viii</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar belakang kajian .....	1
1.3 Pernyataan masalah .....	5
1.4 Objektif kajian .....	10
1.5 Persoalan kajian .....	11
1.6 Justifikasi pemilihan teks .....	11
1.7 Kerangka teori .....	12
1.8 Metodologi kajian .....	14
1.9 Batasan kajian .....	15
1.10 Kepentingan kajian .....	17
1.11 Definisi konsep .....	18
1.12 Organisasi kajian .....	21
<b>BAB 2 SOROTAN KEPUSTAKAAN DAN KERANGKA TEORI..</b>	<b>23</b>
2.1 Pendahuluan .....	23
2.2 Takrifan terjemahan tidak langsung .....	23
2.3 Faktor yang menyumbang kepada terjemahan tidak langsung .....	27
2.4 Isu kesetiaan dalam terjemahan tidak langsung .....	33

2.5	Analisis stilistik .....	41
2.6	Analisis leksikal .....	48
2.7	Penambahan, pengguguran dan pindaan dalam terjemahan tidak langsung .....	52
2.7.1	Penambahan .....	54
2.7.2	Pengguguran .....	56
2.7.3	Pindaan .....	58
2.8	Proses terjemahan .....	60
2.9	Rumusan .....	78
<b>BAB 3</b>	<b>KERANGKA KONSEPTUAN DAN METODOLOGI .....</b>	<b>80</b>
3.1	Pendahuluan .....	80
3.2	Kaedah kajian .....	80
3.2.1	Analisis teks .....	83
3.2.2	Analisis temu bual .....	84
3.3	Sumber data .....	87
3.3.1	Teks terjemahan .....	87
3.3.2	Teks perantara .....	88
3.3.3	Teks sumber asal .....	89
3.3.4	Sinopsis bahan kajian .....	90
3.3.5	Penterjemah .....	93
3.4	Jenis data .....	97
3.5	Pengumpulan data .....	97
3.5.1	Pengumpulan data teks .....	98
3.5.2	Pemilihan kamus <i>Reverso</i> .....	102
3.5.3	Pengumpulan data temu bual .....	103
3.6	Analisis data .....	110

3.7	Rumusan .....	114
<b>BAB 4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN .....</b>		<b>115</b>
4.1	Pendahuluan .....	115
4.2	Perbincangan perbezaan leksikal dan penyesuaian yang dilakukan..	115
4.2.1	Umum ( <i>general</i> ) .....	116
4.2.1(a)	Penambahan .....	117
4.2.1(b)	Pengguguran .....	124
4.2.1(c)	Pindaan .....	129
4.2.2	Kata nama ( <i>nouns</i> ) .....	131
4.2.2(a)	Penambahan .....	132
4.2.2(b)	Pengguguran .....	133
4.2.2(c)	Pindaan .....	135
4.2.3	Kata adjektif ( <i>adjectives</i> ) .....	147
4.2.3(a)	Penambahan .....	147
4.2.3(b)	Pengguguran .....	150
4.2.3(c)	Pindaan .....	151
4.2.4	Kata kerja ( <i>verbs</i> ) .....	164
4.2.4(a)	Penambahan .....	164
4.2.4(b)	Pengguguran .....	168
4.2.4(c)	Pindaan .....	171
4.2.5	Kata adverba ( <i>adverbs</i> ) .....	174
4.2.5(a)	Penambahan .....	175
4.2.5(b)	Pengguguran .....	177

4.3	Proses terjemahan tidak langsung dalam konteks <i>Nurani Tanah Melayu</i> .....	183
4.3.1	Fasa praterjemahan .....	184
4.3.2	Fasa terjemahan .....	188
4.3.3	Fasa pascaterjemahan .....	193
4.4	Rumusan .....	196
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b> .....	<b>199</b>
5.1	Pendahuluan .....	199
5.2	Ringkasan kajian.....	199
5.3	Perbincangan dapatan kajian .....	201
5.3.1	Perbincangan dapatan analisis teks .....	201
5.3.2	Perbincangan dapatan temu bual .....	202
5.4	Implikasi dapatan kajian .....	204
5.4.1	Implikasi teoritis kajian .....	204
5.4.2	Implikasi amalan .....	205
5.4	Cadangan kajian lanjutan .....	206
5.5	Rumusan .....	207
<b>RUJUKAN</b>	.....	<b>209</b>

## LAMPIRAN

## SENARAI PENERBITAN

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1 Kajian terjemahan tidak langsung .....	4
Jadual 2.2 Fasa menterjemah berdasarkan Sager (1994) .....	67
Jadual 3.1 Puisi oleh Prof. Muhammad Haji Salleh .....	94
Jadual 3.2 Penerbitan dalam bidang sastera oleh Prof. Muhammad Haji Salleh .....	95
Jadual 3.3 Esei dan kritikan oleh Prof. Muhammad Haji Salleh .....	96
Jadual 3.4 Karya terjemahan oleh Prof. Muhammad Haji Salleh .....	96
Jadual 4.1 Kategori umum .....	179
Jadual 4.2 Kategori kata nama .....	180
Jadual 4.3 Kategori kata adjektif .....	180
Jadual 4.4 Kategori kata nama .....	181
Jadual 4.5 Kategori kata bantu .....	181

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1 Proses terjemahan oleh Darwish (1999) .....	70
Rajah 2.2 Proses terjemahan oleh Gouadec (2007) .....	77
Rajah 3.1 Kaedah kajian .....	86
Rajah 3.2 Jenis data kajian .....	97
Rajah 3.3 Analisis data objektif 1 .....	111
Rajah 3.4 Analisis data objektif 2 .....	112
Rajah 3.5 Analisis data objektif 3 .....	113

## **ANALISIS TEKS DALAM TERJEMAHAN TIDAK LANGSUNG:**

### **KAJIAN KES *NURANI TANAH MELAYU***

#### **ABSTRAK**

Proses penterjemahan lazimnya melibatkan dua elemen utama, iaitu sebuah teks sumber dan sebuah teks terjemahan. Walaupun terjemahan lazimnya dilakukan secara langsung daripada teks sumber asal, terdapat juga terjemahan yang berhasil daripada sebuah teks perantara, iaitu teks yang juga merupakan terjemahan daripada teks sumber asal tersebut. Teks terjemahan yang berasal daripada teks perantara seperti ini dirujuk sebagai terjemahan tidak langsung. Isu utama dalam terjemahan tidak langsung adalah andaian tentang pengaruh teks perantara dan kekhuitiran terhadap kesetiaan kepada teks sumber asal. Untuk merungkai kebenaran tentang andaian ini, kajian ini meneliti perubahan yang berlaku di antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal. Perubahan yang berlaku ini seterusnya dikaji dengan lebih mendalam dengan meneliti penyesuaian yang digunakan oleh penterjemah. Akhir sekali, kajian ini juga mendapatkan maklum balas daripada penterjemah sendiri tentang proses terjemahan tidak langsung dan tentang penyesuaian yang berlaku pada teks terjemahan. Untuk meneliti isu ini, kajian memberikan fokus pada teks terjemahan berbahasa Melayu bertajuk *Nurani Tanah Melayu*, teks perantara berbahasa Inggeris bertajuk *The Soul of Malaya* serta teks sumber asal berbahasa Perancis bertajuk *Malaisie*. Untuk menjalankan kajian ini, teks sumber dalam bahasa Perancis dibandingkan dengan padanannya dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Analisis leksikal yang dilakukan menunjukkan terdapat beberapa perbezaan di antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal. Perubahan antara teks diuraikan dengan membincangkan penyesuaian yang dilakukan dari segi penambahan,

pengguguran dan pindaan. Dapatan tentang penyesuaian yang berlaku dalam teks terjemahan dilengkapkan dengan maklum balas daripada penterjemah sendiri tentang proses terjemahan tidak langsung serta justifikasi bagi penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah dalam teks terjemahan tidak langsung dalam bahasa Melayu.

## **TEXT ANALYSIS IN INDIRECT TRANSLATION:**

### **A CASE STUDY OF *NURANI TANAH MELAYU***

#### **ABSTRACT**

The translation process typically involves two main elements, namely a source text and a translated text. Although translations are usually carried out directly from the original source text, there are also translations that result from an intermediate text, i.e. a text that is also a translation from the original source text. A translated text derived from an intermediate text is referred to as an indirect translation. The main issues with indirect translation are assumptions about the influence of the intermediate text and concerns over fidelity to the original source text. In unraveling the truth about this assumption, this study examines the changes that take place between the translated text, the intermediate text and the original source text. These changes are then studied in more detail by looking into the adjustments made by the translator. Finally, the study also took into account the response of the translator regarding the process of indirect translation and the justification for the changes made to the translated text. To examine this issue, the study focuses on an indirect translation in Malay entitled *Nurani Tanah Melayu*, the English intermediary text entitled *The Soul of Malaya*, and the original French source text entitled *Malaisie*. To carry out this study, the source text in French is compared to its English and Malay translations. The lexical analysis points to the fact that there are differences between the translated text, the intermediate text and the original source text. Changes between these texts are elaborated by discussing the changes made in terms of additions, omissions and amendments. The findings of the study with regard to the adjustments made in the Malay indirect translation are complemented by the response of the translator, that is, with regard to the process of

indirect translation as well as justification for the changes made by the translator in the Malay indirect translation.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bahagian ini menghuraikan latar belakang kajian dan aspek-aspek lain yang mendasari kajian ini, iaitu objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Bahagian ini juga mentakrifkan konsep-konsep utama yang digunakan dalam kajian ini serta memaparkan organisasi kajian ini. Bahagian ini penting untuk memberi gambaran awal tentang tajuk kajian sebelum kupasan yang lebih mendalam dilakukan pada bahagian yang seterusnya.

### **1.2 Latar belakang kajian**

Proses terjemahan lazimnya melibatkan pemindahan mesej secara langsung daripada sebuah teks sumber kepada sebuah teks sasaran atau teks terjemahan. Proses ini melibatkan dua buah teks dan dua bahasa yang berbeza. Proses terjemahan secara terus atau secara langsung daripada teks sumber ini dapat diungkapkan seperti berikut: teks sumber > teks terjemahan. Walau bagaimanapun, ada kalanya terjemahan melibatkan bukan sahaja teks sumber dan teks terjemahan tetapi juga teks perantara, iaitu teks yang menjadi penghubung antara teks sumber asal dengan teks terjemahan. Proses ini dapat diungkapkan seperti berikut: teks sumber asal A > teks perantara B > teks terjemahan C. Dalam hal ini, teks perantara B merupakan terjemahan daripada teks sumber asal A. Teks perantara B ini kemudiannya menjadi teks sumber pula kepada teks terjemahan C. Oleh itu, teks terjemahan C tidak diterjemahkan secara langsung daripada teks sumber asal A tetapi diterjemahkan dengan menggunakan teks perantara B. Produk yang terhasil daripada proses ini, iaitu teks terjemahan C, dirujuk

sebagai ‘*indirect translation*’ atau terjemahan tidak langsung (Assis Rosa, Pięta & Maia, 2017).

Kajian oleh Haslina Haroon dan Melati Abdul Majid (2015) yang meneliti terjemahan novel oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dari tahun 1958 hingga 2001 menunjukkan bahawa terdapat beberapa terjemahan yang tidak dihasilkan secara langsung daripada teks sumber yang asal tetapi melibatkan penggunaan teks perantara. Sebagai contoh, novel terjemahan bertajuk *Riwayat Mayta* yang diterbitkan oleh DBP pada tahun 2001 tidak diterjemahkan terus daripada novel asal dalam bahasa Sepanyol, iaitu *Historia de Mayta*, tetapi berdasarkan teks dalam bahasa Inggeris bertajuk *The Real Life of Alejandro Mayta*, yang merupakan terjemahan dalam bahasa Inggeris bagi teks sumber asal dalam bahasa Sepanyol. Dalam kes ini teks *The Real Life of Alejandro Mayta* merupakan teks perantara yang menghubungkan teks sumber asal dalam bahasa Sepanyol dengan teks terjemahan dalam bahasa Melayu. Proses terjemahan dalam kes ini dapat diungkapkan seperti berikut: bahasa Sepanyol > bahasa Inggeris > bahasa Melayu.

Trend yang sama, iaitu penghasilan terjemahan bukan daripada teks sumber yang asal tetapi melalui penggunaan teks perantara, juga dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Leppänen (2013), yang melibatkan terjemahan daripada bahasa Jepun kepada bahasa Finland. Kajian oleh Leppänen (2013) mendapati bahawa pada tahun 1960an terdapat peningkatan dari segi bilangan terjemahan yang dilakukan daripada bahasa Jepun kepada bahasa Finland. Yang menariknya, daripada 15 buah terjemahan dalam bahasa Finland yang dihasilkan dalam tempoh tersebut, tidak ada satu pun yang diterjemahkan secara langsung daripada bahasa Jepun. Kesemua terjemahan dihasilkan dengan menggunakan teks perantara dalam pelbagai bahasa.

Proses terjemahan dalam kes ini dapat diungkapkan seperti berikut: bahasa Jepun > pelbagai bahasa > bahasa Finland.

Fenomena terjemahan tidak langsung ini turut dibincangkan oleh Landers (2001). Menurut Landers (2001), novel *War and Peace* karya pengarang Rusia, Leo Tolstoy, yang pada asalnya ditulis dalam bahasa Rusia, kini wujud dalam bentuk terjemahan dalam pelbagai bahasa Eropah. Namun, karya-karya terjemahan dalam bahasa-bahasa Eropah ini kebanyakannya tidak dihasilkan terus daripada teks sumber asal dalam bahasa Rusia tetapi berdasarkan teks terjemahan novel ini dalam bahasa Perancis (Landers, 2001, hlm. 130). Dalam hal ini, proses terjemahan dapat diungkapkan seperti berikut: bahasa Rusia > bahasa Perancis > pelbagai bahasa Eropah.

Menurut Assis Rosa, Pięta dan Maia (2017), ‘*indirect translation*’ atau terjemahan tidak langsung ditakrifkan sebagai “*a translation of a translation*” (hlm. 113). Dengan kata lain, terjemahan tidak langsung ialah teks terjemahan yang dihasilkan berdasarkan sebuah teks yang lain yang juga merupakan terjemahan daripada sebuah teks sumber yang asal. Istilah teks sumber asal digunakan di dalam kajian ini untuk membezakan teks asli daripada pengarang dengan teks terjemahan yang digunakan oleh penterjemah sebagai rujukan. Teks sumber asal merupakan idea asli yang dikarang sendiri oleh pengarang. Teks sumber asal merupakan karya pertama yang diterbitkan dalam bahasa sumber asal. Teks sumber asal digunakan oleh penterjemah untuk menghasilkan terjemahan di dalam bahasa sasaran. Hasil daripada terjemahan ini kemudian digunakan lagi sebagai sumber untuk menterjemah.

Fenomena terjemahan tidak langsung sememangnya menarik minat ramai pengkaji dalam bidang Pengajian Terjemahan. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa kajian terdahulu yang memberikan fokus pada isu terjemahan tidak langsung yang

melibatkan kumpulan bahasa yang berbeza. Jadual di bawah menunjukkan beberapa kajian terjemahan tidak langsung:

**Jadual 1.1 kajian terjemahan tidak langsung**

Bil	Nama pengkaji	Tahun kajian	Teks sumber asal	Teks perantara	Teks terjemahan
1	He	2001	bahasa Norway-Denmark	bahasa Inggeris	bahasa Cina
2	Landers	2001	bahasa Rusia	bahasa Perancis	pelbagai bahasa Eropah
3	Perdu Honeyman	2005	bahasa Arab	bahasa Inggeris	bahasa Sepanyol
4	Lee	2008	bahasa Sepanyol	bahasa Inggeris	bahasa Korea
5	Marín-Lacarta	2012	bahasa Cina	bahasa Inggeris	bahasa Sepanyol
6	Leppänen	2013	bahasa Jepun	pelbagai bahasa	bahasa Finland
7	Hekkanen	2014	bahasa Finland	bahasa Sweden	bahasa Inggeris
8	Kadiu	2016	bahasa Albania	bahasa Perancis	bahasa Inggeris
9	Stroilova dan Dmitriev	2016	bahasa Inggeris	bahasa Perancis	bahasa Rusia
10	Zhumabekova dan Mirzoyeva	2016	bahasa Inggeris	bahasa Rusia	bahasa Kazakh
11	Pliushch	2016	bahasa Ukraine	bahasa Inggeris	bahasa Jerman
12	Alvstad	2017	bahasa-bahasa di India	bahasa Inggeris	bahasa Sweden
13	Yulia	2019	bahasa Korea	bahasa Inggeris	bahasa Ukraine

Minat yang semakin mendalam terhadap fenomena terjemahan tidak langsung ini juga dicerminkan melalui penerbitan makalah akademik yang memberikan fokus khusus pada aspek teori dan metodologi dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengan terjemahan tidak langsung. Makalah oleh Assis Rosa, Pięta dan Maia (2017), misalnya merungkai aspek teori, metodologi dan terminologi dalam kajian berkaitan terjemahan tidak langsung. Makalah oleh Marin-Lacarta (2017) pula menggariskan metodologi yang dapat diguna pakai dalam kajian berkaitan terjemahan tidak langsung, manakala makalah oleh Pięta (2017) mengulas beberapa penerbitan penting berkaitan terjemahan tidak langsung sebagai panduan kepada pengkaji yang berminat untuk menjalankan kajian dalam bidang ini. Pada tahun 2019, makalah oleh Pięta menggariskan trend utama dalam amalan dan kajian yang berkaitan terjemahan tidak

langsung, yang memberikan panduan berguna kepada pengkaji yang berminat untuk mengkaji dan meneliti fenomena terjemahan tidak langsung dengan lebih mendalam.

Yang terkini ialah pada tahun 2021, Ester Torres-Simón *et.al* mengkaji tentang persediaan untuk menterjemah secara tidak langsung di dalam latihan penterjemah. Kajian ini menarik sekali kerana menurut Ester Torres-Simón *et.al* (2021), penterjemahan bagi bahasa yang berdefinisi rendah sering menggunakan strategi yang berbeza daripada yang digunakan oleh bahasa yang dituturkan secara meluas dan oleh itu menimbulkan cabaran khusus untuk penterjemah.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Seperti yang diterangkan sebelum ini, proses terjemahan tidak langsung melibatkan tiga teks yang berbeza, iaitu teks sumber asal A > teks perantara B > teks terjemahan C. Oleh sebab teks terjemahan tidak langsung dihasilkan berdasarkan sebuah teks perantara, timbul kekhawiran tentang perbezaan kandungan di antara teks sumber asal (teks sumber A) dengan teks terjemahan tidak langsung (teks terjemahan C) (Assis Rosa, Pięta & Maia, 2017; Kadiu, 2016; Li, 2017; Ringmar 2012). Dengan kata lain, andaian tentang perbezaan dalam terjemahan tidak langsung berlaku kerana proses menterjemah teks terjemahan tidak dilakukan secara langsung daripada teks sumber asal, tetapi menggunakan teks perantara yang juga telah berlaku perubahan. Isu tentang perbezaan dalam terjemahan tidak dapat dielakkan kerana setiap karya terjemahan mengalami penyesuaian. Terjemahan daripada bahasa sumber kepada bahasa perantara menghasilkan penyesuaian kali pertama dan terjemahan daripada bahasa perantara kepada bahasa sasaran menghasilkan penyesuaian kali kedua. Oleh itu, andaian tentang terjemahan tidak langsung adalah semakin banyak penyesuaian dalam terjemahan, semakin banyak perbezaan yang berlaku daripada teks sumber asal.

Secara ringkas, hasil terjemahan tidak langsung yang merupakan terjemahan daripada terjemahan ini dapat disamakan dengan situasi penyesuaian daripada penyesuaian.

Kekhuatiran terhadap terjemahan tidak langsung ini timbul kerana kesetiaan pada teks sumber masih menjadi kayu ukur yang penting dalam terjemahan. Kekhuatiran ini menjadi bertambah serius kerana perubahan atau penyesuaian sering dilakukan dalam proses terjemahan, yang menyebabkan kesetiaan teks terjemahan pada teks sumber terjejas. Kadiu (2016) menegaskan bahawa “*in every representation of a text in another language modifications of the original occur*” (hlm. 1). Berdasarkan pernyataan ini, dapat dikatakan bahawa semua bentuk terjemahan melibatkan perubahan, tidak kira sama ada terjemahan dilakukan secara langsung atau dilakukan secara tidak langsung, iaitu dengan bantuan teks perantara. Jika sebuah teks perantara yang telah diubah kandungannya menjadi teks sumber pula bagi sebuah terjemahan yang lain, terdapat kemungkinan bahawa lebih banyak perubahan dilakukan. Dollerup (2008), yang merujuk terjemahan tidak langsung dengan nama “*relay translation*”, mengatakan bahawa “*whatever measures are taken, it is impossible to avoid content deviations (and stylistics in felicities) that have been introduced in the first translation in practical relay translation work – even for the most conscientious translator*” (hlm. 13). Perubahan dalam terjemahan teks sumber asal A > teks perantara B dan seterusnya dalam terjemahan teks perantara B > teks terjemahan C mungkin akhirnya menyebabkan teks terjemahan C berbeza daripada teks sumber asal A dan menyebabkan kesetiaan teks terjemahan C pada teks sumber asal A terjejas.

Kajian ini mendapati isu utama terhadap terjemahan tidak langsung adalah andaian tentang kewujudan pengaruh teks perantara dan kekhuitiran terhadap kesetiaan kepada teks sumber asal. Dalam merungkai kebenaran tentang andaian ini,

kajian ini mengkaji tentang perubahan yang berlaku di antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal. Perubahan yang berlaku ini seterusnya dikaji dengan lebih mendalam tentang penyesuaian yang digunakan oleh penterjemah. Akhir sekali, kesimpulan kajian dapat dilakukan apabila penterjemah sendiri menjelaskan perkara-perkara yang berlaku di sepanjang penghasilan teks terjemahan dan memberi justifikasi tentang perubahan dan penyesuaian yang berlaku pada teks terjemahan.

Melalui kaedah analisis stilistik, perkara-perkara yang berlaku seperti perubahan, penyesuaian dan proses penterjemahan yang dilakukan oleh penterjemah dapat dikaji. Kajian tentang analisis stilistik merupakan perbincangan tentang pemilihan kosa kata yang digunakan di dalam teks (Abdul Bari Khan *et al.*, 2015; Faezah Muhayat & Nik Rafidah, 2014; Israa' Burhanuddin Abdurrahman, 2016; Leech & Short, 2007; Mohd Khairul Adenan *et al.*, 2018; Marco, 2004; Md Zahril Nizam *et al.*, 2020; Mohd Faradi & Nordiana, 2021; Nurul Fitriani, 2017). Oleh itu, dapat dilihat hubung kait di antara analisis stilistik dengan perubahan dan penyesuaian di dalam terjemahan.

Kajian Md Zahril Nizam *et al.* (2020) adalah berkaitan analisis stilistik dalam teks Melayu klasik. Analisis data kajian tersebut berpandukan kerangka stilistik Leech dan Short (1981) untuk menghuraikan gejala bahasa dari sudut linguistik dengan fungsi sastera. Kajian oleh Md Zahril Nizam *et al.* (2020) menggunakan teks *Hikayat Abdullah* yang telah ditransliterasikan kepada tulisan Rumi. Dapatkan bagi kajian tersebut menunjukkan bahawa pengarang mengekalkan gaya bahasa kreatif dari segi penggunaan leksikal yang diabstrak bagi mengimplementasikan makna (Md Zahril Nizam *et al.*, 2020).

Dalam kajian Mohd Faradi dan Nordiana (2021) pula teori stilistik digunakan untuk melakukan analisis perbandingan sajak karya Usman Awang (Malaysia) dengan

Afrizal Malna (Indonesia). Menerusi kajian oleh Mohd Faradi dan Nordiana (2021) dapat dilihat bahawa melalui gaya bahasa pengarang, hasil karya tersebut menjadi sebuah sebuah karya sastera yang sangat bernilai dan berkualiti. Kajian tentang analisis stilistik merupakan kajian yang dapat menunjukkan cara pengarang memperlihatkan identiti mereka. Identiti tersebut dikenal pasti melalui penyampaian gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang ketika proses pengkaryaan dijalankan (Mohd Faradi dan Nordiana, 2021).

Proses terjemahan tidak langsung juga menjadi rumit kerana proses ini tidak semestinya melibatkan proses terjemahan yang lazim, yang mana terdapat seorang penterjemah yang menterjemah secara bersendirian daripada sebuah teks untuk menghasilkan teks terjemahan. Dengan kata lain, proses terjemahan tidak langsung merupakan satu proses yang unik yang melibatkan bukan sahaja penterjemah tetapi juga pihak-pihak yang lain serta pelbagai jenis teks untuk menghasilkan sebuah teks terjemahan.

Kajian yang dilakukan oleh Alvstad (2017), misalnya, menonjolkan keunikan proses terjemahan tidak langsung kerana kajian tersebut menunjukkan dengan jelas bukan sahaja penglibatan pihak-pihak lain dalam proses terjemahan tidak langsung tetapi juga peranan pihak-pihak tersebut. Menurut Alvstad (2017), di antara tahun 2001 sehingga tahun 2009, terdapat 11 buah buku yang diterbitkan dalam bahasa Sweden di bawah siri *Indiska biblioteket* atau *The Indian library*. Buku-buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Sweden daripada pelbagai bahasa yang digunakan di India, misalnya bahasa Assam, Hindi, Kannada, Malayalam, Marathi, Odia, Tamil atau Urdu melalui perantaraan bahasa Inggeris. Proses terjemahan dalam kes ini dapat diungkapkan seperti berikut: bahasa-bahasa di India > bahasa Inggeris > bahasa Sweden. Semua penterjemah bahasa Sweden dalam siri penerbitan ini langsung tidak

mempunyai kemahiran bahasa sumber asal, iaitu bahasa-bahasa yang digunakan di India. Penterjemah bahasa Sweden melakukan terjemahan dengan merujuk teks yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Selain itu, para penterjemah juga melakukan kolaborasi dengan rakan usaha sama di India dan mendapatkan maklumat daripada mereka, sama ada dengan pergi ke India sendiri atau menerusi medium e-mel. Kajian Alvstad (2017) menunjukkan bahawa penglibatan rakan usaha sama dari India ini begitu penting kerana mereka dapat menerangkan istilah-istilah dan konsep-konsep tertentu dengan lebih tepat dan mendalam. Rakan usaha sama di India memainkan peranan dengan membantu penterjemah dari Sweden untuk mendapat kefahaman yang jelas tentang kandungan teks sumber asal.

Berdasarkan kajian oleh Alvstad (2017), dapat dikatakan bahawa proses terjemahan tidak langsung merupakan satu proses yang unik yang melibatkan bukan sahaja penterjemah malah rakan usaha sama yang turut menyumbang kepada penghasilan sebuah teks terjemahan. Walau bagaimanapun, kajian oleh Alvstad (2017) hanya memperlihatkan salah satu cara kaedah terjemahan tidak langsung dilakukan di Sweden. Dalam konteks Malaysia, kajian yang melibatkan terjemahan tidak langsung menjadi isu yang menarik untuk diketahui berkaitan proses terjemahan tidak langsung dilakukan di Malaysia, perubahan yang berlaku hasil daripada terjemahan tidak langsung serta pengaruh antara teks-teks yang terlibat dan kesan penggunaan teks perantara dalam terjemahan tidak langsung. Oleh itu, timbul persoalan tentang cara penghasilan terjemahan tidak langsung dalam konteks Malaysia.

Dengan mengambil kira permasalahan ini, kajian ini akan memberikan fokus pada terjemahan tidak langsung di Malaysia, yang melibatkan bahasa Perancis > bahasa Inggeris > bahasa Melayu. Secara umumnya, kajian ini dilakukan untuk meneliti dan menghuraikan perbezaan leksikal ketiga-tiga teks yang terlibat,

penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah dan proses terjemahan tidak langsung yang melibatkan teks terjemahan tidak langsung dalam bahasa Melayu bertajuk *Nurani Tanah Melayu*, teks perantara dalam bahasa Inggeris yang bertajuk *The Soul of Malaya* dan teks sumber asal dalam bahasa Perancis bertajuk *Malaisie*.

#### **1.4 Objektif kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang andaian bahawa terjemahan tidak langsung menghasilkan perbezaan di antara teks terjemahan dengan teks sumber asal. Untuk itu, kajian meneliti dan menghuraikan proses terjemahan tidak langsung di Malaysia, dengan memberikan fokus khusus pada teks terjemahan tidak langsung dalam bahasa Melayu bertajuk *Nurani Tanah Melayu*, teks perantara dalam bahasa Inggeris yang bertajuk *The Soul of Malaya* dan teks sumber asal dalam bahasa Perancis bertajuk *Malaisie*. Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan untuk:

- i. mengenal pasti perbezaan leksikal yang wujud antara teks terjemahan tidak langsung (*Nurani Tanah Melayu*), teks perantara (*The Soul of Malaya*) dan teks sumber asal (*Malaisie*),
- ii. menganalisis penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah dalam setiap perbezaan leksikal yang dikenal pasti, dan
- iii. menghuraikan proses yang berlaku dalam terjemahan tidak langsung dalam teks *Nurani Tanah Melayu*.

## **1.5 Persoalan kajian**

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, berikut merupakan persoalan kajian ini:

- i. adakah terdapat perbezaan leksikal antara teks terjemahan tidak langsung (*Nurani Tanah Melayu*), teks perantara (*The Soul of Malaya*) dan teks sumber asal (*Malaisie*)?
- ii. apakah jenis penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah pada teks *Nurani Tanah Melayu* dalam setiap perbezaan leksikal yang dikenal pasti?
- iii. bagaimanakah proses terjemahan tidak langsung berlaku dalam kes teks *Nurani Tanah Melayu*?

## **1.6 Justifikasi pemilihan teks**

Teks *Nurani Tanah Melayu* (2015) dipilih sebagai fokus utama dalam kajian ini kerana teks ini merupakan teks terjemahan tidak langsung dalam bahasa Melayu yang dihasilkan dengan bantuan teks perantara bahasa Inggeris, *The Soul of Malaya*, yang merupakan terjemahan oleh Eric Sutton daripada teks sumber asal bahasa Perancis, *Malaisie*. Secara umumnya, proses terjemahan teks *Nurani Tanah Melayu* dapat diungkapkan seperti berikut: *Malaisie* (bahasa Perancis) > *The Soul of Malaya* (bahasa Inggeris) > *Nurani Tanah Melayu* (bahasa Melayu).

Maklumat tentang status teks *Nurani Tanah Melayu* sebagai teks terjemahan tidak langsung ini diperoleh daripada bahagian prakata penterjemah bertajuk ‘Pengenalan, Satu Kerusuhan’, yang ditulis oleh penterjemah teks *Nurani Tanah Melayu*, iaitu Muhammad Haji Salleh. Menurut penterjemah, “oleh sebab penguasaan bahasa Perancis saya sangat asas, saya menggunakan terjemahan Eric Sutton ke dalam bahasa Inggeris, yang diberi judul *The Soul of Malaya*” (Muhammad Haji Salleh, 2015, hlm. viii). Penterjemah secara terang-terangan mengakui kekangan yang

dihadapi oleh beliau untuk menterjemah secara langsung daripada teks sumber asal bahasa Perancis. Faktor kekangan bahasa yang dihadapi oleh penterjemah yang ditambah pula dengan faktor kewujudan teks terjemahan bagi teks *Malaisie* dalam bahasa Inggeris bertajuk *The Soul of Malaya* menyebabkan penterjemah mengambil keputusan untuk menghasilkan terjemahan dalam bahasa Melayu berdasarkan teks perantara bahasa Inggeris dan bukan berdasarkan teks sumber asal dalam bahasa Perancis.

Walaupun penterjemah bergantung pada teks perantara bahasa Inggeris, pada masa yang sama beliau mengakui bahawa teks sumber asal dalam bahasa Perancis masih penting. Penterjemah menegaskan bahawa “setelah memulakannya selama beberapa bulan, saya sedar bahawa saya tidak perlu bergantung pada Sutton sepenuhnya. Saya mungkin boleh mendapatkan bantuan Deborah Chow yang waktu itu baru sahaja menyelesaikan tesisnya dalam bahasa Perancis” (Muhammad Haji Salleh, 2015, hlm. viii). Maklumat ini menunjukkan bahawa teks *Nurani Tanah Melayu* dihasilkan dengan cara yang unik yang melibatkan bukan sahaja penterjemah tetapi juga pihak lain yang turut membantu dalam penghasilan teks tersebut. Hal ini menjadikan teks ini sebuah teks yang sesuai untuk mengkaji proses penghasilan terjemahan tidak langsung dalam konteks Malaysia serta meneliti perubahan leksikal dan penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah dan pihak lain yang turut membantu penterjemah dalam penghasilan teks terjemahan *Nurani Tanah Melayu*.

## 1.7 Kerangka teori

Secara umumnya, kajian ini memilih pendekatan sosiologi terjemahan yang menekankan aspek amalan terjemahan (*translation practice*). Menurut Munday (2014) pendekatan sosiologi penterjemahan meneliti “...*how the translator, and other agents,*

*act as they carry out their task in the translation process or ‘event’ and what the interrelation is between these agents”* (hlm. 238). Pendekatan sosiologi terjemahan digunakan dalam kajian ini untuk meneliti perbezaan dan penyesuaian di antara tiga teks serta menghuraikan proses terjemahan tidak langsung bagi teks *Nurani Tanah Melayu*.

Pada dasarnya, kajian ini membincangkan analisis stilistik dalam konteks terjemahan tidak langsung. Terdapat beberapa perkara yang dapat dibincangkan di dalam analisis stilistik iaitu analisis leksikal, analisis penyesuaian di dalam terjemahan dan proses menghasilkan terjemahan yang melibatkan keputusan penterjemah.

Secara khususnya, untuk meneliti perbezaan yang wujud antara teks terjemahan tidak langsung (*Nurani Tanah Melayu*), teks perantara (*The Soul of Malaya*) dan teks sumber asal (*Malaisie*), kajian ini meneliti perubahan leksikal dengan menggunakan kerangka analisis leksikal Leech dan Short (2007) yang melibatkan lima perkara iaitu umum (*general*), kata nama (*nouns*), kata adjektif (*adjectives*), kata kerja (*verbs*) dan kata adverba (*adverbs*). Selain daripada itu, kajian ini juga dilakukan untuk meneliti penyesuaian yang dilakukan dalam proses terjemahan, dengan menggunakan kerangka teknik penyesuaian (*techniques of adjustment*) dalam terjemahan yang dicadangkan oleh Nida (1964), yang merangkumi teknik penambahan, pengguguran dan pindaan. Akhir sekali, untuk menghuraikan proses yang berlaku dalam terjemahan tidak langsung, kajian ini menggunakan konsep proses penterjemahan yang diutarakan oleh Gouadec (2007) yang terbahagi kepada tiga fasa, iaitu fasa praterjemahan, fasa menterjemah dan fasa pascaterjemahan. Ketiga-tiga kerangka ini digunakan untuk melihat pengaruh kewujudan teks perantara dan kesetiaan kepada teks sumber asal.

## **1.8 Metodologi kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang memberikan fokus pada teks terjemahan tidak langsung bertajuk *Nurani Tanah Melayu* serta teks perantara bertajuk *The Soul of Malaya*, dan teks sumber asal bertajuk *Malaisie*. Secara amnya, kajian ini dijalankan untuk mengetahui isu pengaruh kewujudan teks perantara dan kesetiaan terhadap teks sumber asal di dalam teks terjemahan tidak langsung yang berlaku di Malaysia. Untuk mengetahui isu kajian yang dikemukakan, kajian ini menggunakan dua kaedah utama, iaitu (1) analisis teks dan perbandingan teks, dan (2) analisis temu bual.

Pertama sekali, untuk mengenal pasti dan menghuraikan perbezaan leksikal yang wujud antara ketiga-tiga teks serta penyesuaian yang terdapat pada teks *Nurani Tanah Melayu* jika dibandingkan dengan teks perantara (*The Soul of Malaya*) dan teks sumber asal (*Malaisie*), perbandingan ketiga-tiga teks ini dilakukan. Dengan kata lain, kaedah analisis teks dan perbandingan teks dilakukan untuk menentukan perubahan leksikal antara teks serta penyesuaian dari segi kandungan yang dilakukan terhadap teks terjemahan dalam proses terjemahan tidak langsung. Setiap ayat dalam teks terjemahan dipadankan dengan pasangannya dalam teks perantara dan teks sumber asal, dan seterusnya kandungan leksikal dianalisis. Langkah ini membolehkan pengkaji membandingkan ketiga-tiga teks untuk melihat perubahan leksikal yang berlaku. Untuk meneliti perubahan yang berlaku antara ketiga-tiga teks yang dikenal pasti, kajian ini menggunakan kerangka analisis leksikal oleh Leech and Short (2007) yang merangkumi kategori leksikal seperti umum (*general*), kata nama (*nouns*), kata adjektif (*adjectives*), kata kerja (*verbs*) dan kata adverba (*adverbs*). Setelah itu, kajian ini mengkaji perubahan yang berlaku dengan menggunakan kerangka teknik

penyesuaian oleh Nida (1964), yang merangkumi tiga jenis penyesuaian, iaitu (1) penambahan, (2) pengguguran, dan (3) pindaan.

Seterusnya, untuk mengenal pasti cara terjemahan tidak langsung dilakukan dalam konteks Malaysia, khususnya dalam kes teks *Nurani Tanah Melayu*, dan untuk menghuraikan justifikasi di sebalik perubahan dan penyesuaian yang dilakukan terhadap teks terjemahan, maklumat tersebut diperoleh daripada pihak utama yang terlibat dalam proses terjemahan tidak langsung ini, iaitu penterjemah. Maklumat ini diperoleh dengan menggunakan kaedah temu bual bersama penterjemah. Kaedah ini digunakan dengan mengambil kira pendapat Munday (2014) tentang cara untuk mendapatkan maklumat tentang proses terjemahan. Menurut Munday (2014),

*“crucial testimony about both the process of translation and the conditions under which it takes place is provided in post-hoc accounts by the individuals concerned, in the form of memoirs or autobiographies or interviews in which they consciously reflect on the event. Such material provides a potentially rich source for both the historian and the translation studies scholar”* (hlm. 68).

Petikan ini menunjukkan bahawa temu bual bersama penterjemah merupakan salah satu cara yang paling berkesan untuk mendapatkan maklumat tentang proses terjemahan serta hal-hal yang berkaitan dengan penghasilan terjemahan tersebut. Temu bual ini dilaksanakan berdasarkan kerangka proses penterjemahan oleh Gouadec (2007) yang terbahagi kepada tiga fasa, iaitu fasa praterjemahan, fasa menterjemah dan fasa pascaterjemahan.

## **1.9 Batasan kajian**

Terdapat beberapa kekangan yang dikenal pasti dalam kajian ini. Pertama sekali kajian ini melibatkan tiga teks utama iaitu *Nurani Tanah Melayu* (teks terjemahan), *The Soul of Malaya* (teks perantara) dan *Malaisie* (teks sumber asal), yang setiap satunya mengandungi empat bab. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya

menggunakan bab 1, bab 2 dan bab 3 sahaja sebagai data kajian. Untuk itu, data diekstrak daripada tiga bab yang pertama sahaja daripada setiap teks. Tiga bab sahaja dipilih untuk tujuan pengekstrakan data kerana kajian ini bertujuan untuk mencirikan perbezaan yang wujud dalam terjemahan tidak langsung dan bukan untuk melihat kekerapan perbezaan yang tertentu dalam proses terjemahan tidak langsung. Oleh itu, tiga bab sahaja sudah memadai untuk tujuan pengekstrakan data.

Perkara ini juga turut dilakukan di dalam kajian terjemahan tidak langsung oleh Kadiu (2016) yang hanya mengambil contoh daripada 15 halaman daripada jumlah novel kajiannya. Menurut Kadiu (2016) tujuan kajian tersebut dilakukan bukan untuk mengira jumlah perbezaan yang terdapat antara teks yang dikaji, tetapi untuk mencirikan kepelbagaiannya penyesuaian yang berlaku dalam kes terjemahan tidak langsung ini. Dengan kata lain, objektif kajian Kadiu (2016) bukanlah untuk menentukan jumlah perbezaan novel terjemahan, tetapi untuk mengkaji perbezaan yang dilakukan oleh penterjemah.

Selain itu, terdapat juga kekangan yang berkaitan dengan pengkaji sendiri, iaitu dari segi penguasaan bahasa Perancis pengkaji yang terhad. Pengkaji tidak mempunyai latar pendidikan yang khusus tentang pengajian bahasa Perancis. Disebabkan kekangan ini, pengkaji menyediakan beberapa alternatif untuk membantu pengkaji menjalankan kajian dengan lancar. Antara alternatif yang dilakukan oleh pengkaji untuk memahami dengan tepat makna teks bahasa Perancis, pengkaji merujuk beberapa sumber seperti kamus secara dalam talian dan kamus dalam bentuk salinan keras.

Di samping itu, pengkaji turut menyediakan glos bagi setiap set data kajian pada teks bahasa Perancis. Untuk memastikan ketepatan glos yang disediakan oleh pengkaji bagi petikan dalam bahasa Perancis dalam data yang dibincangkan, pengkaji

memastikan glos yang disediakan disemak oleh penutur yang mempunyai kemahiran dalam bahasa Perancis, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Glos tersebut disemak oleh dua pihak yang mempunyai kelulusan di dalam bidang pengajian bahasa Perancis.

Kajian ini juga hanya menggunakan maklumat daripada penterjemah untuk mengetahui proses menghasilkan terjemahan tidak langsung. Perkara ini dilakukan untuk mengelakkan berlakunya sebarang percanggahan maklumat di antara penterjemah dengan pihak lain. Kajian ini juga memilih penterjemah sahaja untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang penghasilan teks terjemahan sebagai tanda menghormati penterjemah yang telah bertungkus lumus menghasilkan terjemahan ini selama beberapa tahun tanpa culas dan jemu.

### **1.10 Kepentingan kajian**

Kajian ini diharapkan dapat menjawab tuntutan isu utama di dalam kajian terjemahan tidak langsung iaitu pengaruh kewujudan teks perantara dan kesetiaan kepada teks sumber asal. Secara khususnya pula, kajian ini diharapkan dapat menjelaskan dengan terperinci perbezaan leksikal yang wujud antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal. Di samping itu, kajian ini juga ingin menghuraikan penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah di setiap perubahan leksikal yang berlaku pada teks terjemahan. Tambahan daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat menonjolkan cara penterjemah melakukan terjemahan tidak langsung, khususnya melalui perubahan leksikal dan penyesuaian yang dilakukan. Secara ringkas, kajian ini juga diharapkan dapat menunjukkan pengaruh yang wujud akibat proses terjemahan tidak langsung. Sehubungan itu, kajian ini penting dalam usaha untuk menonjolkan keunikan dalam terjemahan tidak langsung.

Pada amnya, hasil daripada kajian ini diharapkan menjadi pencetus kepada lebih banyak kajian dan perbincangan tentang terjemahan tidak langsung. Kajian tentang terjemahan tidak langsung dalam konteks Malaysia dapat diterokai dengan lebih mendalam agar lebih banyak maklumat tentang isu lain yang sebenarnya berlaku dalam terjemahan tidak langsung dapat diketahui dan dibincang secara meluas. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan bilangan kajian yang berkaitan dengan terjemahan tidak langsung yang sekali gus dapat menyumbang kepada ilmu terjemahan secara umumnya dan cabang ilmu yang berkaitan dengan terjemahan tidak langsung secara khususnya.

### **1.11 Definisi konsep**

Kajian ini didasari oleh beberapa konsep yang mendukung makna yang khusus dalam konteks kajian yang dijalankan. Konsep-konsep ini dan takrifannya adalah seperti berikut:

**Terjemahan tidak langsung:** Teks terjemahan yang terhasil daripada sebuah teks rujukan yang juga merupakan teks terjemahan. Teks yang terhasil daripada proses ini dirujuk sebagai terjemahan tidak langsung atau '*indirect translation*' (*ITr*), (Assis Rosa, Pięta & Maia, 2017). Terjemahan tidak langsung diandaikan menghasilkan perbezaan leksikal di antara teks sumber asal dengan teks terjemahan berikutnya. Terjemahan tidak langsung merupakan pendekatan yang kurang setia pada teks sumber asal. Terjemahan tidak langsung merupakan pendekatan yang sentiasa mengalami penyesuaian dari segi penambahan, pengguguran dan pindaan oleh penterjemah. Penyesuaian dari satu teks kepada teks terjemahan yang seterusnya berlaku kerana

penterjemah ingin memberi keutamaan kepada keselesaan pembaca sasaran untuk memahami teks sumber asal.

**Teks sumber asal:** Teks sumber asal merupakan teks asal bagi kajian ini. Teks sumber menjadi rujukan utama kerana teks sumber merupakan karya asli pengarang tersebut. Dalam kajian ini, kunci kepada isu utama adalah teks sumber asal. Perbandingan terhadap teks sumber asal dapat menunjukkan bahawa terdapat pengaruh teks perantara atau teks terjemahan setia kepada teks sumber asal.

**Teks perantara:** Teks yang menjadi penghubung di antara teks sumber asal dengan teks terjemahan. Oleh itu, teks perantara menjadi jambatan yang menghubungkan teks sumber asal dengan teks terjemahan (Zhumabekova & Mirzoyeva, 2016). Teks perantara merupakan teks yang telah diterjemahkan sama ada terjemahan daripada teks sumber asal atau terjemahan daripada teks yang telah diterjemahkan. Istilah teks perantara digunakan apabila penterjemah lain menjadikan hasil terjemahan sebagai sumber rujukan.

**Analisis stilistik:** Kajian ini menggunakan analisis stilistik untuk meneliti perbezaan leksikal yang berlaku di dalam teks terjemahan. Analisis stilistik juga digunakan untuk mengkaji penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah. Selain itu, analisis stilistik juga merupakan kajian tentang pemilihan kata yang terdapat di dalam teks. Analisis stilistik ini bertujuan untuk menunjukkan keupayaan penterjemah menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan idea dan gaya bahasa yang mempunyai nilai sastera yang tersendiri.

**Analisis leksikal:** Leksikal adalah makna denotatif juga dikenali sebagai bahasa tersurat, makna umum dan makna kamus. Kajian ini mengkaji analisis leksikal untuk melihat perubahan yang berlaku di antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal. Dalam kajian ini, penelitian terhadap perubahan dibuat berdasarkan analisis leksikal yang dicadangkan oleh Leech dan Short (2007), yang melibatkan umum (*general*), kata nama (*nouns*), kata adjektif (*adjectives*), kata kerja (*verbs*) dan kata adverba (*adverbs*).

**Teknik penyesuaian:** Dalam kajian ini, penelitian terhadap perubahan yang dilakukan dalam proses terjemahan dibuat berdasarkan kategori teknik penyesuaian (*techniques of adjustment*) yang dicadangkan oleh Nida (1964), yang melibatkan teknik penambahan, teknik pengguguran dan teknik pindaan. Secara amnya, penyesuaian berlaku dalam apa jua aktiviti terjemahan. Kepentingan penyesuaian dalam terjemahan adalah untuk menyampaikan semula teks sumber asal secara setara meskipun terjemahan tersebut dilakukan secara literal. Untuk menyampaikan semula teks bahasa sumber yang berbeza dengan ciri-ciri bahasa teks terjemahan, beberapa teknik penyesuaian dapat membantu penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang setara dari segi makna meskipun beberapa aspek lain mengalami perubahan seperti bentuk ayat, linguistik, budaya dan seumpamanya.

**Proses terjemahan:** Penyusunan kerja-kerja menterjemah dari awal sehingga terhasilnya teks terjemahan, yang melibatkan tiga fasa, iaitu iaitu fasa praterjemahan, fasa menterjemah dan fasa pascaterjemahan. Proses menterjemah turut merangkumi keputusan yang dipilih oleh penterjemah ketika berhadapan dengan beberapa pilihan menterjemah (Gouadec, 2007). Proses terjemahan tidak langsung merupakan proses

yang unik kerana melibatkan beberapa unsur luar seperti teks perantara, pihak lain untuk membantu penterjemah dan merupakan proses yang lebih panjang berbanding terjemahan secara langsung.

### **1.12 Organisasi kajian**

Bab 1 membincangkan latar belakang dan pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, justifikasi pemilihan teks, kerangka teori, kaedah kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi beberapa konsep asas yang mendasari kajian ini serta organisasi kajian.

Bab 2 membincangkan kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini seperti takrifan terjemahan tidak langsung, faktor yang menyumbang kepada terjemahan tidak langsung, dan isu kesetiaan dalam terjemahan tidak langsung. Bab 2 juga menghuraikan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.

Bab 3 pula menghuraikan metodologi kajian dengan memberikan fokus pada kaedah kajian, sumber data yang merangkumi teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal yang dikaji, dan cara data dikumpul dan dianalisis.

Bab 4 memaparkan data yang diekstrak dan dianalisis. Bab ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama memberikan perhatian kepada perbezaan leksikal antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal yang dikaji. Bahagian pertama juga membincangkan jenis penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah bagi setiap perbezaan leksikal yang dikenal pasti. Seterusnya, di hahagian kedua pula kajian membincangkan proses penghasilan teks terjemahan *Nurani Tanah Melayu* dari kaca mata penterjemah, dengan mengambil kira dapatan yang dibincangkan pada bahagian pertama.

Bab 5 merumuskan dapatan kajian ini. Bab ini juga membuat kesimpulan tentang isu utama yang timbul di dalam terjemahan tidak langsung iaitu tentang pengaruh kewujudan teks perantara dan kesetiaan kepada teks sumber asal. Selain daripada itu, bab 5 turut membincangkan kepentingan dan implikasi dapatan kajian dan mencadangkan kajian lanjutan yang dapat meluaskan lagi skop kajian ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KEPUSTAKAAN DAN KERANGKA TEORI**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bahagian ini akan meninjau beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Pertama sekali, bab ini membincangkan konsep terjemahan tidak langsung. Seterusnya, bab ini menghuraikan faktor-faktor yang menyumbang kepada penghasilan teks terjemahan tidak langsung. Bab ini juga akan mengetengahkan dan membincangkan isu utama yang timbul akibat terjemahan tidak langsung, yang menyebabkan timbulnya keperluan untuk menjalankan kajian ini. Lanjutan daripada perbincangan isu terjemahan tidak langsung adalah berkaitan analisis stilistik. Selain itu, dalam kajian ini juga terdapat perbincangan tentang perubahan leksikal yang berlaku di antara teks terjemahan, teks perantara dan teks sumber asal. Kajian ini juga melakukan perbincangan tentang penyesuaian di dalam terjemahan seperti teknik penambahan, pengguguran dan pindaan dalam terjemahan tidak langsung. Akhir sekali, kajian ini juga membincangkan pandangan sarjana tentang proses terjemahan secara amnya dan proses terjemahan tidak langsung secara khususnya.

#### **2.2 Takrifan terjemahan tidak langsung**

‘*Indirect translation*’ atau terjemahan tidak langsung ditakrifkan dengan pelbagai cara oleh sarjana yang berbeza. Kittel dan Frank (1991), misalnya, mentakrifkan ‘*indirect translation*’ sebagai “*the translation based on a source (or sources) which is itself a translation into a language other than the language of the original, or the target language*” (hlm. 3). Berdasarkan takrifan ini, dapat difahami

bahawa terjemahan tidak langsung ialah terjemahan ke dalam bahasa sasaran yang dilakukan berdasarkan sebuah teks sumber (atau pelbagai sumber) yang juga merupakan sebuah teks terjemahan daripada sebuah teks sumber asal. Teks yang menjadi teks perantara dalam hal ini dihasilkan dalam bahasa yang tidak sama dengan bahasa sasaran atau pun bahasa sumber asal. Proses ini dapat diungkapkan seperti berikut: teks sumber asal A (bahasa A) > teks perantara B (bahasa B) / pelbagai teks perantara > teks terjemahan tidak langsung C (bahasa C).

Landers (2001) juga memberikan takrifan yang hampir sama bagi ‘*indirect translation*’, iaitu “*translation into Language C based on a translation into Language B of a source text in Language A*” (hlm. 34). Assis Rosa, Pięta dan Maia (2017) pula menggunakan kependekan ‘*ITr*’ untuk merujuk kepada ‘*indirect translation*’, yang ditakrifkan oleh mereka sebagai “*a translation of a translation*” (hlm. 113). Berdasarkan takrifan yang diberikan, jelas bahawa ‘*indirect translation*’ atau terjemahan tidak langsung ialah karya terjemahan yang dihasilkan daripada sebuah teks sumber yang juga merupakan sebuah terjemahan daripada sebuah teks sumber yang lain. Dalam penterjemahan tidak langsung, penterjemah lazimnya tidak menguasai bahasa sumber dan bergantung pada teks perantara untuk memperoleh maklumat daripada teks sumber asal.

Dalam semua takrifan yang diberikan sebelum ini, terjemahan tidak langsung merujuk teks atau produk yang terhasil daripada penterjemahan yang dilakukan berdasarkan sebuah teks yang juga merupakan sebuah teks terjemahan. Walau bagaimanapun, terjemahan tidak langsung juga boleh merujuk proses, perbuatan atau tindakan yang menyebabkan terhasilnya teks terjemahan tidak langsung. Sebagai contoh, Shuttleworth dan Cowie (1997) mentakrifkan ‘*indirect translation*’ sebagai